

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : NASIONAL

# Pembekal jual ubat mahal kepada kerajaan dipantau

**KKM tidak tolak ansur amalan pakatan harga, antipersaingan dapatkan produk**

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) memantau tindakan sesetengah syarikat pengeluar dan pembekal yang menawarkan harga lebih tinggi kepada kerajaan berbanding kepada pihak swasta bagi sesetengah ubat.

KKM dalam kenyataan berkata, pihaknya turut memantau tindakan pemegang pendaftaran produk tunggal sama ada yang menawarkan produk paten atau generik yang berdaftar dengan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPPRA).

Menurut KKM, pada masa sama kementerian memandang

serius dan tidak bertolak ansur dengan sebarang unsur eksklusiviti, pakatan harga, antipersaingan atau amalan bagi kompromi pengurusan perolehan sehingga menyebabkan peningkatan kos perolehan ubat-ubatan.

"Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPPRA) sedang menelelit semula proses pendaftaran produk farmaseutikal untuk memudah cara pendaftaran produk farmaseutikal di pasaran tempatan supaya KKM mempunyai lebih banyak pilihan produk," kata kenyataan itu, semalam.

KKM kini melaksanakan penambahbaikan terhadap dasar dan proses perolehan kementerian merangkumi fasa pertama iaitu pengurangan kerentak birokrasi permohonan kelulusan daripada agensi KKM.

Ia membatikan usaha sama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi menambah baik proses kelulusan pendaftaran peranti dan peralatan perubatan di bawah Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)

serta permohonan kelulusan penubuhan fasiliti dan kemudahan kesihatan swasta di bawah Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS).

Fasa kedua pula menurut KKM, membabitkan penambahbaikan proses perolehan, termasuk hak kerajaan untuk merunding semula harga dan pembekalan produk alternatif lebih murah berbanding produk kontrak dalam keadaan tertentu dengan syarikat yang memenangi tender.

**Laksana penggiliran pegawai**  
Selain itu, katanya KKM melaksanakan penggiliran pegawai, termasuk pegawai teknikal yang terbabit dalam proses perolehan serta kehadiran pegawai Unit Integriti sebagai pemerhati dalam Lembaga Perolehan.

Kenyataan itu menjelaskan, KKM bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kesihatan terbaik pada kos berpatutan kepada rakyat dan hal ini dapat dicapai sekiranya harga perole-

han produk farmaseutikal dan peralatan perubatan adalah munasabah.

Peruntukan perbelanjaan produk farmaseutikal oleh KKM adalah dalam lingkungan RM5 billion hingga RM6 billion setahun.

KKM turut menyambut baik dan menyokong aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyatakan fokus kerajaan dalam Belanjawan 2025 adalah memangani dan mengurangkan kos sara hidup rakyat yang disebabkan antara lain masalah ketirisan, rasuah, kartel dan monopoli.

Menurut kenyataan itu, KKM mengambil ikhtiar daripada pengalaman ketika berhadapan dengan pandemik global COVID-19 yang mendedahkan rapuhnya rantaian bekalan farmaseutikal dan peralatan perubatan kritis tempatan atas sebab kekangan kapasiti.

Keupayaan industri, keterjaminan dan ketersediaan rantauan bekalan juga merupakan fokus utama KKM. BERNAMA

## Kekurangan kakitangan HOSHAS kian kritikal

**Kuala Lumpur:** Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAS), Temerloh dijangka berdepan krisis kakitangan yang teruk sehingga boleh menjelaskan keselamatan pesakit susulan pemindahan berterusan doktor pelatih ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA).

Situasi akan menjadi lebih parah apabila jabatan perubatan hospital itu akan menghadapi situasi 'sifar' doktor pelatih menjelang akhir bulan ini susulan penggantungan penempatan doktor pelatih baharu di HOSHAS tahun ini.

Menurut seorang doktor pakar di HOSHAS yang mahu dikenali sebagai Dr Rey keadaan bertambah kritis apabila doktor pentadbiran bukan klinikal juga diminta untuk mengambil darah pesakit sebagai pilihan terakhir.

"Penjagaan pesakit sudah terjejas dan menjadi tidak selamat. Menteri Kesihatan perlu cam-pur tangan."

"Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) sudah berulang kali dihubungi dengan pelbagai rayuan sejak enam bulan lalu, tetapi jawapannya amat mengecewakan."

"Kami sudah berada pada had dan tidak fikir kita boleh bertahan lagi," katanya seperti disiaran dalam sebuah portal berita.

Menerusi surat bertarikh 16 Februari 2024, Ketua Jabatan Perubatan Am HOSHAS, Dr See



Chee Keong menggesa JKNP untuk menggekalkan pegawai di hospital dengan mengatakan pemberhentian penempatan doktor pelatih 'menjejaskan secara langsung' perkhidmatan jabatan perubatan hospital.

Surat itu turut menyatakan bagi kesinambungan perkhidmatan, jabatan perubatan am memerlukan sekurang-kurangnya 46 pegawai perubatan dan 34 doktor kerana hingga Februari 2024, ia mempunyai 16 pakar (termasuk subpakar), 24 pegawai perubatan dan 20 doktor.

Dr Rey berkata, kekurangan doktor di jabatan perubatan HOSHAS menyebabkan kelewa-

tan mengambil darah pesakit dan memesan ubat.

"Ubat, termasuk antibiotik, tidak diberikan tepat pada masa-sya kerana kekurangan kakitangan untuk memasukkan suntikan intravena," katanya.

Sementara itu, pegawai perubatan, Dr Benny (bukan nama sebenar), berkata kekurangan doktor pelatih di seluruh hospital Kementerian Kesihatan (KKM) menyebabkan setiap pegawai perubatan mengendalikan hampir tiga kali beban kerja biasa mereka.

"Kadar kelelahan yang tinggi dan semangat yang rendah menyebabkan sekurang-kurangnya

tiga pegawai perubatan meletak jawatan tahun ini, selain ada yang mempertimbangkan untuk meninggalkan tugas ini.

"Pegawai perubatan bekerja sepanjang masa untuk menyelesaikan tugas siang hari. Walaupun telah menghantar surat rasmi kepada JKNP mengenai krisis kakitangan, tiada penyelesaian diberikan."

"Ini telah menjelaskan keselamatan dan kualiti penjagaan pesakit dengan ujian darah yang kerap dikurangkan dan meningkatkan aduan pesakit tentang kualiti perkhidmatan di SISPAA (saluran aduan KKM)," katanya.

Dalam perkembangan terkini, hospital daerah Jerantut dan Jengka bersedia menghantar pegawai perubatan ke HOSHAS, tetapi ini berpotensi mewujudkan kekurangan kakitangan hospital mereka pula.

Menurut pegawai perubatan di Hospital Jengka, Dr Max (bukan nama sebenar), beliau mengesahkan pegawai perubatan dari unit perubatan am di Hospital Jengka akan berhenti pada awal September, menjadikan pasukan unit perubatan hanya lima orang.

"Menghantar satu pegawai perubatan untuk membantu HOSHAS akan mengurangkan lagi bilangan pegawai perubatan dalam unit kami kepada empat, manakala unit itu sepatutnya mempunyai enam," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : LOKAL

+

6 [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my) [@hmetromy](#) [HarianMetro](#) [@hmetromy](#)

Rabu 14.08.2024 | Harian Metro

**lokal**

# KKM tidak akan tolak ansur!

*Pandang serius amalan syarikat farmaseutikal tawar harga produk lebih tinggi kepada kerajaan*

**Putrajaya**

Kementerian Kesihatan (KKM) tidak akan bertolak ansur dengan sebarang unsur eksklusiviti, pakatan harga, antipersaingan atau amalan yang boleh mengkompromikan pengurusan perolehan yang menyumbang kepada peningkatan kos perolehan ubat-ubatan.

KKM dalam kenyataan semalam, memaklumkan kementerian memandang serius amalan sesetengah syarikat pengeluar dan pembekal farmaseutikal yang menawarkan harga produk lebih tinggi kepada kerajaan berbanding ke-

pada pihak swasta bagi setengah produk ubat.

"Terutama pemegang pendaftaran produk tunggal sama ada yang menawarkan produk paten ataupun generik yang berdaftar dengan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)," menurut kenyataan itu.

Beberapa libat urus dan perbincangan diadakan dengan wakil syarikat pengeluar, pengilang ubat-ubatan dan peralatan perubatan di bawah Pihak Berkusa Peranti Perubatan (MDA) dan permohonan kelulusan penuh buah fasiliti dan kemudahan kesihatan

kan terhadap dasar dan proses perolehan KKM merangkumi fasa pertama iaitu pengurangan kerena birokrasi permohonan kelulusan daripada agensi KKM.

"Ia melibatkan usaha-sama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi menambah baik proses kelulusan pendaftaran peranti dan peralatan perubatan di bawah Pihak Berkusa Peranti Perubatan (MDA) dan permohonan kelulusan penuh buah fasiliti dan kemudahan kesihatan

swasta di bawah Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS).

"Kini, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) sedang meneliti semula proses pendaftaran produk farmaseutikal untuk memudahkan caraan penilaian produk farmaseutikal di pasaran tempatan supaya KKM mempunyai lebih banyak pilihan produk," menurut kenyataan itu.

Fasa kedua pula menurut KKM, melibatkan penambahbaikan proses perolehan ter-

masuk hak kerajaan untuk merundingkan semula harga dan pembekalan produk alternatif yang lebih murah berbanding produk kontrak dalam keadaan tertentu dengan syarikat yang memenangi tender, penggiliran pegawai termasuk pegawai teknikal yang terlibat dalam proses perolehan serta kehadiran pegawai Unit Integriti sebagai pemerhati dalam Lembaga Perolehan.

Kenyataan berkenaan menjelaskan KKM bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kesihatan terbaik pada kos berpatutan kepada rakyat dan hal ini dapat dicapai sekiranya

harga perolehan produk farmaseutikal dan peralatan perubatan adalah mudah.

"Peruntukan perbelanjaan produk farmaseutikal oleh KKM adalah dalam lingkungan RM5 bilion hingga RM6 bilion setahun," menurut kenyataan itu yang menyokong aspirasi Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyatakan fokus kerajaan dalam Belanjawan 2025 adalah untuk menangani dan mengurangkan kos sara hidup rakyat yang disebabkan antara lain masalah ketirisan, rasuah, kartel dan monopoli. - Bernama

Peruntukan  
perbelanjaan produk  
farmaseutikal oleh  
KKM RM6b setahun

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

## Bendung segera jual ubat kuat di media sosial

**Kuala Lumpur:** Senario penjualan ubat berunsur seksual atau 'ubat kuat' di media sosial sekiranya tidak dibendung oleh kerajaan akan berisiko menjadi barah sosial yang teruk seperti pelakuan jenayah ro-gol atau melakukan seks rambang.

Pakar kriminologi, Shahul Hamid Abdul Rahim berkata, masalah sosial akan bertambah buruk apabila bukan sahaja memabitkan pengambilannya dalam golongan dewasa malah generasi muda seperti kanak-kanak dan remaja yang ingin mencuba. "Jika tak dibendung, satu hari nanti akan timbul jenayah seksual sebab sangat berisiko mempengaruhi kepada jenayah seperti ro-gol kerana kandungannya untuk rangsangan untuk melakukan seks.

"Masalah utama di media sosial adalah walaupun ada peraturan untuk pengguna

seperti had umur namun tak dapat memastikannya, sesiapa sahaja boleh beli termasuk orang bawah umur yang mungkin menggunakan maklumat palsu.

"Iklan masuk sehingga bilik tidur anak-anak melalui media sosial.

"Sesiapa ada sahaja akaun media sosial boleh terjebak dalam perkara sebegini," katanya.

Mengenai kebelakangan ini wanita terbabit mempromosikan 'ubat kuat' malah barang seks di media sosial, beliau berkata adalah amat menyedihkan ada segelintir wanita yang semakin hilang rasa malu.

Shahul Hamid berkata, budaya dan adat ketimuran sudah beransur-ansur hilang dan ia perlu dicegah daripada terus melarat untuk mengelakkan masyarakat mengikut acuan budaya barat.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 24  
RUANGAN : LOKAL

## 'Saya lihat rempuhan depan mata'

**Chukai:** "Sebaik terjaga dari tidur saya terkejut melihat tongkang besar itu betul-betul di hadapan bot," kata tekong bot Saiful Ridzuan Osman, 50, ketika menceritakan detik cemas selepas bot miliknya dirempuh tongkang lan-pu batu nautika dari Kuala Ke-maman, Ahad lalu.

Katanya, dia tidak mampu ber-buat apa-apa kecuali menjerit ke-pada pembantunya serta tujuh pemancing lain untuk bersedia menghadap rempuhan itu.

Menurutnya, ketika kejadian 6.30 pagi itu, bot berkenaan turut dinaiki pembantunya, Shahril Ismail, 50, serta tujuh pemancing iaitu Aina Husna Mohamad Hu-saini, 25; Yusof Kassam, 66; Siti Zamimah Moham Zobini, 29; Rosnawi Harun, 50; Ain Farhana Mohamad Husaini, 30; Haziah Ha-run, 63 dan Mat Ali Alahan, 66.

"Akibat perlenggaran itu bot sa-ya tenggelam dan saya terpaksa menahan nafas lebih seminit un-tuk keluar dari bot yang teng-gelam kerana bimbang tongkang itu masih berada di atas permukaan air dan membahayakan nyawa," katanya.

Menurutnya, sebaik timbul di permukaan air, dia memanggil pembantunya dan mangsa lain beberpa kali, namun tiada sa-hutan.

"Suasana ketika itu sangat gelap. Saya berenang pada semua arah mencari mereka namun gagal. Tidak lama kemudian ada sa-hutan dan saya berenang ke arah suara itu sebelum mendapati Siti Zamimah, Rosnawi, Haziah dan Mat Ali berpaut pada sebuah tong ikan," katanya.

Menurutnya, kesemua jaket keselamatan dan pelbagai barang lain sudah hanyut ke tengah laut.

"Bila teringat dua lagi jaket keselamatan yang saya simpan di sudut khas dalam bot, saya ke-mudian menyelam mendapatkan-nya.

**"Suasana ketika itu sangat gelap. Saya berenang pada semua arah mencari mereka namun gagal"**

Tekong bot, Saiful Ridzuan Osman



SAIFUL Ridzuan menunjukkan gambar botnya yang dilanggar tongkang.

"Syukur ketika itu Allah beri saya kekuatan, saya terpaksa me-nyelam selama enam kali sebelum berjaya mengambil dua jaket ke-selamatan itu," katanya.

Menurutnya, ketika memberikan jaket keselamatan kepada empat mangsa lain, dia percaya ketika itu Siti Zamimah sudah me-ninggal dan badannya tenggelam ke dalam laut.

Katanya, apabila diperiksa di-dapati pakaian Siti Zamimah ter-sangkul pada mata pancing yang talinya bersambung pada bahagian dalam bot.

"Saya menggigit tali pancing sehingga putus sebelum membuka tali yang membentuk sebuah pelampung keselamatan dan diikat pada sebuah tong ikan bagi me-mudahkan semua mangsa berga-yut," katanya.

Saipul berkata, selama sejam memerah kudrat itu, dia sekali

lagi dikejutkan dengan panggilan suara meminta tolong daripada seorang lagi mangsa, Ain Farha-na.

"Saya berenang ke arah Ain Fa-rhana dalam jarak 50 meter yang ketika itu sudah lemah kerana ter-telan banyak air dan dia adalah mangsa terakhir berjaya keluar dari bot yang tenggelam."

"Saya pakaikan pelampung ke-selamatan sebelum menariknya berkumpul bersama empat mangsa yang selamat itu," katanya.

Katanya, selepas mengharungi detik cemas itu mereka ditemui sebuah bot nelayan pukat cerut sebelum menyelamat mangsa dan dibawa pulang ke jeti.

Dalam kejadian itu Siti Zamimah yang berasal dari Selangor, Selangor dan pembantu tekong, Shahril meninggal dunia. Mana-kala dua lagi iaitu Aina Husna dan Yusof hilang.

**Kerah tiga petugas beri khidmat sokongan psikologi**

**Chukai:** Jabatan Kesihatan Daerah Kemaman menggerakkan tiga petugas untuk memberi sokongan psikologi kepada mangsa dan ke-luarga bot karam di perairan Ke-maman.

Pegawai Perubatan dan Kesihatannya Dr Nadhirah Nazarudin berkata, pihaknya menyediakan perkhidmatan psikologi di pusat operasi pencarian di Pangkalan Hadapan Carilamat Zon Maritim Kemaman pada hari pertama ke-jadian.

Beliau berkata bantuan psiko-logic amat penting bagi memas-tikan mangsa dan keluarga ter-dekat tidak mengalami gangguan tekanan pascatrauma (PTSD) akibat tragedi berkenaan.

"Selain rawatan fizikal, mangsa dan keluarga juga memerlukan bantuan psikologi atau psychology first aid (PFA) bagi mengelak tra-uma berpanjangan yang boleh me-nagakibatkan PTSD.

"Setakat ini kita jalankan be-berapa sesi kaunseling kepada mangsa dan keluarga terdekat. Al-hamduillah mereka tenang wa-laupun masih bersedih dan ter-kejut," katanya ketika ditemui di Pangkalan Hadapan Zon Maritim Kemaman di sini semalam.

Dr Nadhirah turut menasihat-kan saudara-mara dan rakan supaya memberi ruang kepada mangsa serta keluarga mereka untuk bertengang.

"Kita faham saudara-mara serta keluarga mungkin prihatin. Te-pati tindakan itu ada kalanya me-nambah kerisauan mangsa dan keluarga yang sedia terbeban de-ngan kesedihan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 35  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Johor kurang petugas kecemasan

**ISKANDAR PUTERI:** Johor berdepan kekurangan kakitangan di Jabatan Kecemasan dan Trauma termasuk paramedik yang kini dianggarkan seramai 1,454 petugas.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Ling Tian Soon berkata, angka itu masih rendah membandingkan fasiliti kesihatan di negeri ini menerima panggilan kecemasan sehingga 60 kali sehari.

Katanya, kekurangan itu terpaksa diatasi dengan menyalurkan panggilan kecemasan ke daerah berhampiran bagi memastikan bantuan awal dapat diberikan segera.

"Di Johor, kita mempunyai seramai 1,454 paramedik, jumlah ini masih jauh berbanding perjawatan yang diperlukan iaitu seramai 1,532 perjawatan. Angka itu hanya mengikut kouta perjawatan sahaja, be-

lum mengambil kira keperluan sebenar.

"Dengan pelaksanaan pelbagai kursus termasuk program Malaysian Trauma Life Support (MTLS) oleh Persatuan Kecemasan Trauma Johor dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ), ia akan mendekahkan petugas sedia ada dengan perkhidmatan supaya mereka dapat membantu dengan kekurangan petugas," katanya merasmikan Program Malaysia Trauma Life Support (MTLS) di sini.

Yang turut hadir, Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr. Mohtar Pungut dan Timbalan Pengarah Hospital (Pembedahan) Hospital Sultanah Aminah (HSA), Dr. Redzuan Ab Hamid.

Tian Soon berkata, peranan paramedik amat penting kerana sebagai *first responder* terhadap mangsa, mereka mampu menyelamatkan nyawa dengan

bantuan awal yang diberikan.

Katanya, kerajaan negeri memberi peruntukan berjumlah RM100,000 bagi tujuan mengadakan program latihan bagi golongan paramedik.

Mengulas lanjut, Tian Soon memberitahu, statistik tahun lalu menunjukkan Johor merekodkan jumlah kemalangan ketiga tertinggi dengan lebih 87,000 kes.

"Kalau kita ambil kiraan itu, separuh daripadanya perlu dirujuk ke dalam fasiliti kesihatan, bererti setiap tahun kita perlu menerima hampir 44,000 mangsa kemalangan. Itu satu jumlah yang besar, belum lagi kira kes-kes kecemasan lain."

"Oleh itu bebanan kerja Jabatan Kecemasan dan Trauma itu sangat berat. Kursus sebegini supaya kita dapat mempertingkatkan prestasi paramedik yang bertugas di Jabatan Kecemasan," katanya.



LING TIAN SOON (tengah) bersama-sama para peserta Program Malaysian Trauma Life Support yang diadakan di Iskandar Puteri.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 37  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## HSAH aktifkan pelan kesinambungan operasi

**SUNGAI PETANI:** Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH), di sini sudah mengaktifkan pelan kesinambungan operasi (BCP) secara berperingkat sebagai langkah sementara bagi mengurangkan impak gangguan dialami Sistem Maklumat Hospital Menyeluruh (THIS).

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah, Dr. Ismuni Bohari berkata, gangguan ca-

paihan semakin kritis apabila waktu operasi klinik pakar bermula kerana trafik capaian yang amat tinggi daripada pengguna sistem yang mula melaksanakan pendaftaran pesakit.

Menurutnya, pemantauan prestasi capaian sistem dan tindakan pemulihan kini diteruskan secara teliti bagi memastikan isu itu dapat diatasi secara menyeluruh.

"Untuk perancangan jangka panjang, Kementerian Kesihatan dan JKN Kedah dalam perancangan untuk menaik taraf sistem server sedia ada ke *Cloud Based System* untuk mengelak kejadian sama berulang.

"Kita juga akan terus memantau perkembangan terkini dan memastikan tindakan pembaiakan dan pemulihan THIS berjalan lancar agar pengoperasian

perkhidmatan perawatan pesakit tidak terjejas," katanya di sini, semalam.

Tambah beliau, gangguan capaian itu bermula seawal pulak 7 pagi Ahad lalu dan semakan awal mendapati servis pada salah satu *server* aplikasi gagal berfungsi.

Media melaporkan hospital dan klinik kesihatan di daerah ini mengalami kegagalan sis-

tem rekod perubatan sehingga menyebabkan gangguan besar kepada perkhidmatan termasuk pengendalian pesakit dan dispensasi ubat.

Seorang doktor dari HSAH mendakwa, sistem THIS terputus sejak pukul 5 pagi kelmarin akibat kegagalan teknikal dalam program itu yang memaka hospital itu kembali kepada operasi manual.

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NATIONAL

## Procurement management issues to be addressed

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry will not tolerate any form of exclusivity, price collusion, anti-competitive practices or procurement management issues which contribute to increase in the cost of procurement of medicines.

The ministry is particularly concerned about instances when pharmaceutical manufacturers and suppliers charge the government higher prices for certain products, compared with those offered in the private sector.

"Especially single product registration holders, whether for

patented or generic products registered with the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA)," the ministry said in a statement.

The ministry has conducted several engagement sessions with representatives from manufacturing companies, medicine and medical equipment producers, and pharmaceutical product registration holders.

To address the issues, the ministry is implementing improvements to its procurement policy and process.

The first phase of the

improvements focuses on reducing bureaucratic red tape, associated with approval applications from its agencies.

It involves collaborating with the Malaysian Productivity Corporation to streamline the approval process for the registration of medical devices and equipment, under the Medical Device Authority, and the approval of private health facilities and practices, under the Private Medical Practice Control Section.

"The NPRA is re-evaluating the pharmaceutical product registration process, to simplify the approval of

products in the local market, thereby providing the ministry with a broader range of options."

The statement said the second phase focuses on enhancing the procurement process, which includes the government's ability to renegotiate prices and consider cheaper alternative products in certain circumstances. This phase also involves the rotation of officers, including technical personnel involved in procurement, and the inclusion of Integrity Unit officers as observers on the Procurement Board. It said it is its responsibility to

provide the best health services, at a reasonable cost to the people, and this can be achieved if the purchase price of pharmaceutical products and medical equipment is kept reasonable.

"The annual expenditure allocation for pharmaceutical products by the ministry ranges from RM5 billion to RM6 billion."

It has also drawn lessons from the Covid-19 pandemic, which highlighted vulnerabilities in the local supply chain for pharmaceuticals and critical medical equipment.  
— Bernama

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NATIONAL

# Over 4,400 suicides reported in last five years

► Chinese consistently topped annual list of those who took their own lives since 2019 while non-Malaysians came second, says DPM

BY SIVANISARRY MORHAN  
*newsdesk@thesundaily*

**PETALING JAYA:** In the past five years, a total of 4,440 Malaysians committed suicide, with the Chinese community being the most affected.

Police statistics said 2021 saw the highest number of suicides at 1,142, but the figure dropped to 981 the following year and rose again to 1,087 last year. There were 621 suicides in 2020 and 609 in 2019.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi said on July 9 men accounted for over 3,600 of the suicides with the Chinese community consistently having the highest number of suicides annually since 2019.

"Non-Malaysians had the second highest rate, while Indians and Malays followed in third and fourth place respectively. This shows a significant need for drastic early change in social policy approach."


Universiti Teknologi Malaysia Psychology professor Dr Siti Aisyah Panatik said mental health issues can be overwhelming due to the existing stigma involving them.

"Those, especially men aged between 30 and 50, are at higher risk of committing suicide due to economic challenges such as unemployment, rising cost of living and financial instability, which are significant contributors to growing suicide rates."

She stressed that societal expectations for men to be the primary breadwinners often lead to feelings of hopelessness and despair.

Comparing the high suicide rate of the Chinese with the other races, Siti Aisyah said socio-cultural factors contribute to this.

"The stigma associated with mental health in many Asian cultures, including those of the Chinese, often results in underreporting and a



Mental health issues can be overwhelming and lead to suicidal behaviour. —BERNAMAPIC

lack of proper mental health support."

She said Confucian values, which prioritise filial piety and family harmony, can create a sense of burden, making it difficult for individuals to express their struggles openly.

"These cultural expectations often worsen stress and contribute to suicidal ideas among the Chinese."

In terms of youths committing suicide, Siti Aisyah said academic pressures, relationship problems, substance abuse and easy access to poisons are key factors to rising suicide rates.

"The overwhelming focus on academic achievements can result in severe stress and mental health struggles while relationship problems, alcohol and drug abuse could increase the risk of suicidal thoughts."

"The availability of methods such as jumping from heights can contribute to impulsive suicide attempts," she said, adding that to address the suicide issue, a multi-faceted approach is needed.

She said improving mental health education and support through youth programmes is crucial while integrating mental health components into existing programmes, such as education, sports or community development, can be highly effective.

Siti Aisyah said there is a need for better access to qualified mental health professionals within youth programmes and trained teachers to recognise and support students with mental health concerns.

"Developing peer-based programmes where young people can support one another is vital to tackle the issue."

Since its inception in 2022, the mental health crisis helpline, Heal Line 15555, received 48,903 calls, of which 28,870 callers were provided essential emotional support, while more than 20,030 received special interventions, such as psychoeducation, positive coping skills and cognitive behavioural therapy.

## Pasir Gudang Hospital to begin operations next year

**ISKANDAR PUTERI:** The Pasir Gudang Hospital in Johor Bahru is expected to begin operations two months earlier, in February next year, if construction is completed by year-end.

Johor Health and Environment Committee chairman Ling Tian Soon said construction is currently 60 days ahead of schedule and likely

to be completed by the end of the year.

"If it is completed and handed to the Health Ministry, I've been informed that we can expect it to be operational in stages from February next year," he said, after officiating at the Malaysian Trauma Life Support human capital training programme here on Monday.

"We're still dealing with a shortage of health staff, I think we lack about 100 people, that's according to posts."

"Hopefully, the Johor Emergency Trauma Association and the state health department can train existing officers so that they can do more as we face shortages." — Bernama